



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"RAMADAN BERAKHIR – SYAWAL MENJELMA"

28 Mac 2025 / 27 Ramadan 1446

الْحَمْدُ لِلَّهِ¹ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَى وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَكَفَى بِاللَّهِ شَهِيدًا. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ³ أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dirahmati Ilahi,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan kepada Allah SWT, dengan melaksanakan segala suruhan dan meninggalkan segala larangan Nya, melipatgandakan amal kebaikan, mengikhlaskan diri melaksanakan ibadah, terutama pada hari-hari dan malam-malam terakhir Ramadan yang masih berbaki. Mimbar akan menyampaikan khutbah bertajuk:

"RAMADAN BERAKHIR – SYAWAL MENJELMA"

Firman Allah SWT, ayat 133 surah Ali-Imran:

﴿وَسَارِعُوا إِلَى مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَاوَاتُ وَالْأَرْضُ
أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ ﴿١٣٣﴾﴾

Bermaksud: Dan bersegeralah kamu (mengerjakan amal kebaikan untuk) mendapatkan keampunan daripada Tuhanmu dan syurga yang luasnya seluas langit dan bumi yang disediakan bagi orang yang bertakwa.

Hari ini merupakan Jumaat terakhir Ramadan 1446 Hijrah. Kita kini berada di penghujung Ramadan. Mukmin yang menghidupkan Ramadan dengan penuh ketaatan dan amal kebaikan, pasti akan merasa hiba dan sayu kerana Ramadan bakal berakhir. Berakhirnya Ramadan bermakna berakhirnya tempoh tawaran pelbagai keistimewaan, ganjaran pahala yang dilipatgandakan, juga peluang luas untuk kita

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa

mendapat keampunan. Kita merasa hiba dan sayu apabila kita menginsafi bahawa Ramadan ini mungkin Ramadan terakhir dalam hayat kita, kerana kita tidak pasti sama ada kita masih dikurniakan usia untuk dapat bertemu Ramadan pada tahun hadapan.

Jemaah yang dilimpahi keberkatan Ramadan

Diambang berakhirnya Ramadan, mimbar membahagikan Mukmin kepada dua golongan untuk dijadikan pengajaran:

Pertama: Mukmin yang ikhlas memelihara dan melaksana kewajipan ibadah puasa serta ibadah-ibadah fardu yang lain, di samping mengerjakan pelbagai amalan kebaikan seperti menyambung silaturahim, bermaaf-maafan, bertarawih, bersedekah, membiayai iftar, bertadarus, beriktikaf, membaca al-Quran, beristighfar, bertahajud dan sebagainya.

Golongan ini insya-Allah akan keluar dari bulan Ramadan, menyambut Syawal dalam keadaan suci bersih, hati yang jernih, wajah yang ceria serta jiwa yang lapang. Berkat ibadah puasa yang disempurnakan dengan tulus ikhlas semata-mata kerana Allah SWT, dilengkapi taubat dan titisan air mata keinsafan yang mengalir pada sepertiga akhir malam, serta amal kebaikan yang dikerjakan; menjadikan Ramadan berjaya mendidik hawa nafsu, membakar dosa-dosa lalu, mendisiplinkan diri, melatih sifat-sifat mahmudah, sehingga merasakan seolah-olah dibuka lembaran hidup baharu untuknya dengan penampilan watak dan sahsiah yang lebih terpuji. Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ صَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ

Bermaksud: "Sesiapa yang berpuasa di bulan Ramadan dengan penuh keimanan dan pengharapan, diampunkan dosa-dosanya yang telah lalu." (Hadis Riwayat al-Bukhari)

Kedua: Mukmin yang muflis (rugi) kerana semasa berlapar dan berdahaga pada siang hari, namun mereka tetap melakukan pelbagai maksiat, seperti meninggalkan solat fardu, tidak memelihara lidah daripada berkata keji, berdusta, mencerca, memfitnah; tidak menutup aurat dengan sempurna, tidak mengawal pergaulan antara muhrim, dan terus melanggar perintah Allah dengan perbuatan pecah amanah, rasuah, menipu, mencuri, berjudi serta bersifat riak, bongkak, sombong dan zalim.

Golongan ini tidak berjaya memperoleh nikmat kebaikan Ramadan, malah tidak sedikit pun mendapat rahmat daripada lelahnya menahan lapar dan dahaga selaras dengan sabda Rasulullah SAW:

رُبَّ صَائِمٍ لَيْسَ لَهُ مِنْ صِيَامِهِ إِلَّا الْجُوعُ، وَرُبَّ قَائِمٍ لَيْسَ لَهُ مِنْ قِيَامِهِ إِلَّا السَّهَرُ

Bermaksud: "Banyak orang yang berpuasa namun tidak mendapat apa pun daripada puasanya selain lapar dan dahaga. Dan banyak orang yang bersolat malam namun tidak mendapat apa pun daripada solatnya selain lelah dan berjaga malam."

(Hadis Riwayat Ibnu Majah)

Ayat 33 surah Ali-Imran yang khatib baca pada awal khutbah memerintahkan kita untuk bersegera melakukan amalan kebaikan agar mendapat keampunan Allah SWT. Oleh itu, sebelum Ramadan melabuh tirai, marilah kita bersungguh-sungguh memanfaatkan Ramadan yang masih berbaki dengan meningkatkan amal ibadah.

Ditakdirkan, Ramadan ini merupakan Ramadan terakhir bagi kita, alangkah ruginya, jika kita mensia-siakan peluang untuk mendapat ihsan keampunan Ilahi. Sabda Nabi SAW:

... وَرَغِمَ أَنْفُ رَجُلٍ دَخَلَ عَلَيْهِ رَمَضَانُ ثُمَّ انْسَلَخَ قَبْلَ أَنْ يُغْفَرَ لَهُ ...

Bermaksud: Amat rugilah orang yang memasuki bulan Ramadan kemudian Ramadan berlalu, sedangkan dia tidak mendapat pengampunan Allah. (Hadis Riwayat al-Tirmizi)

Semoga Ramadan kali ini berupaya menjadikan kita hamba Allah bertakwa, diampuni segala dosa, dilimpahi rahmat kehidupan dunia dan akhirat.

Jemaah yang dilimpahi fadilat Ramadan,

Tertakluk kepada pengumuman Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, umat Islam di Malaysia dijangka menyambut Aidilfitri pada hari Isnin 31 Mac. Dalam suasana menyambut dan meraikan Aidilfitri, mimbar menitipkan beberapa adab dan saranan:

Pertama: Syawal hendaklah disambut dengan memperteguh amalan-amalan sunnah Aidilfitri. Bermula dengan melakukan sebanyak-banyak takbir pada malam 1 Syawal, diiringi mandi sunat Aidilfitri pada paginya. Menyarungkan pakaian baharu bagi yang mampu, namun jika tidak mampu membeli pakaian baharu, pilih pakaian terbaik yang sedia dimiliki untuk memenuhi sunah berhias pada hari raya.

Kedua: Aidilfitri disambut berpandukan syariat dan dalam semangat membudayakan adat resam; dirayakan secara sederhana dan jauhi pembaziran. Menjauhi sifat-sifat keji

seperti bermegah-megah atau bersifat riak mahu menunjukkan kelebihan diri, sama ada ketika berpakaian, atau menghidangkan juadah, atau menghiasi rumah.

Ketiga: Menjaga adab dan kesopanan, ketika memperagakan pakaian dan perhiasan diri, dengan mengamalkan sifat bersyukur lagi merendah diri, mengamalkan sifat insani, bermurah hati menggembirakan warga kurang berkemampuan dengan menghulurkan bantuan berbentuk pakaian, makanan dan wang ringgit menjelang Aidilfitri.

Keempat: Disunatkan menjamah sedikit makanan sebelum menunaikan solat Aidilfitri, disunatkan memilih laluan yang berbeza bagi perjalanan pergi ke masjid dan pulang dari masjid, bertujuan dapat bertemu lebih ramai jiran dan rakan taulan untuk bersilaturahmi.

Kelima: Dituntut merancang amalan ziarah bagi memuliakan ibu bapa, mertua, saudara-saudara tua, adik beradik dan sanak saudara serta menggembirakan hati mereka dengan pemberian sedekah dan hadiah.

Keenam: Mengawal, mengawasi malah mencegah anak-anak daripada bermain bahan-bahan api untuk mengelakkan berlaku kemalangan.

Ketujuh: Merancang perjalanan dengan selamat. Membuat pemeriksaan kenderaan agar pemanduan berlangsung lancar; menggunakan jalan raya secara berhemah bersabar dan bertimbang rasa, demi keselamatan diri kita, penumpang dalam kenderaan yang kita pandu, demikian juga keselamatan pengguna lain.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ⁴ حَمْدًا كَثِيرًا طَيِّبًا مُبَارَكًا فِيهِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ⁵ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ⁶ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Waljamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya dari kalangan *Asyairah Maturidiah*. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyakkan selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا⁷
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثَبِّتْهُمْ عَلَى مِلَّةِ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ.
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانصُرْ إِخْوَانَنَا وَأَخَوَاتِنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ أَهْلَهَا وَانصُرْ جُودَهَا وَدَمِّرْ أَعْدَاكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah Ya Rabbal ‘Alamin! Bimbing kami untuk memanfaatkan sebaik-baiknya hari-hari akhir Ramadan dengan ketaatan dan amal kebaikan di samping melakukan persiapan Syawal menurut yang Engkau reda. Terimalah segala ibadah puasa dan ibadah-ibadah yang kami lakukan sepanjang Ramadan. Sesungguhnya Engkau Maha Pengampun, maka ampunilah kami dan seluruh umat Islam daripada dosa-dosa yang

⁴ Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

⁷ Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin

telah kami lakukan. Golongkan kami dalam kalangan hamba Mu yang bertakwa, yang dikurniakan kebaikan dunia dan ganjaran akhirat serta mendapat tempat di syurga Mu.

Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Aziz! Ya Qahhar! Lindungi Masjid al-Aqsa daripada dimusnahkan oleh rejim Zionis Israel dan limpahi ihsan Mu membela dan mengurniakan kemenangan kepada rakyat di bumi Palestin yang sedang menderita kerana perbuatan zalim rejim Zionis Israel.

Ya Mu'min! Ya Muhaimin! Limpahi rahmat Mu agar negara kami berada dalam keadaan selamat dan makmur, dijauhi daripada bencana dan malapetaka, rakyatnya hidup dalam suasana aman dan muhibah.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Muiz! Ya Adzhiim! Ya Kabiir!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ،
وَأَشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ
مَا تَصْنَعُونَ.